

17 NOV 2000
APEC-ABAC
ABAC GESA APEC SUPAYA LEBIH KE ARAH PERNIAGAAN

Oleh: Siti Hawa Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Nov (Bernama) -- Masyarakat perniagaan Asia-Pasifik dengan lantang menggesa agar forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) lebih bersifat perniagaan, ketepikan retorika dan laksanakan sesuatu dengan segera untuk meningkatkan ekonomi rantau ini serta eratkan lagi ekonomi-ekonomi 21 anggota.

Ini merupakan mesej yang jelas diutarakan pada Sidang Kemuncak Ketua Pegawai-pegawai Eksekutif (CEO) Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) yang tamat Rabu di mana tindakan dan bukannya banyak lagi peraturan perlu memajukan Apec.

Mungkin, ada benarnya apa yang dikatakan oleh pengerusi Johnson & Johnson Asia Pacific dari Singapura, Michael Yates. Beliau berkata: "Kita pasti tidak akan menganjurkan banyak lagi undang-undang, peraturan dan sasaran kerajaan. Sebaliknya, kami lebih memihak kepada menjadikan proses yang ada sekarang lebih berkesan dan memudahkan sesuatu."

Dalam apa yang menjadi kekecewaan sektor swasta terhadap halangan-halangan kepada kerjasama ekonomi, katanya program-program Apec mempunyai senarai inisiatif-inisiatif yang mengkagumkan tetapi cara ia disampaikan seolah-oleh seperti "senarai membeli-belah" dan bukannya program yang tertumpu.

"Saya sedar ia akan membuat ramai orang begitu sibuk, dan saya tidak bermaksud memperkecil-kecilkan usaha mana-mana pihak. Saya juga sedar menyusun kata-kata tidak secara automatik akan menjadikan program itu bertambah baik," kata Yates.

Di samping pemimpin-pemimpin Apec, ABAC, suara sektor swasta rantau ini, juga membidas pihak media yang berhimpun di Brunei untuk membuat liputan mesyuarat Apec.

ABAC ternyata tidak puas hati bahawa tumpuan media cenderung ke arah liberalisasi perdagangan di mana isu-isu seperti kemudahan perdagangan dan pembinaan kapasiti dipandang berat untuk sektor perniagaan.

Di persidangan akhbar selepas dialog antara ABAC dan para pemimpin Khamis, pengerusinya, Timothy Ong dari Brunei berkata berkata: "Pihak media cenderung memberi tumpuan kepada liberalisasi perdagangan apabila kemudahan perniagaan merupakan salah satu daripada keutamaan Apec dan perkara penting bagi masyarakat perniagaan."

Katanya satu kaji selidik telah menunjukkan bahawa perniagaan di rantau ini telah memberi keutamaan kepada proses dan penjelasan kastam jika dibandingkan dengan isu-isu tarif.

Hakikatnya adalah isu pelancaran pusingan baru rundingan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada tahun 2001, yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat, telah mendapat perhatian semasa mesyuarat pegawai-pegawai kanan dan mesyuarat peringkat menteri dan berita-berita seperti ini dibuatkan di dalam banyak dada-dada akhbar.

Isu-isu pembinaan kapasiti, kemudahan perdagangan malangnya dianggap sebagai terlalu teknikal dan membosankan untuk para wartawan.

ABAC layak mendapat pengiktirafan berhubung usaha yang telah dilaksanakannya di dalam Apec. Bagaimanapun, kegagalan dalam menyampaikan kejayaannya dalam perkataan yang mudah telah menyebabkan usahanya tidak mendapat perhatian jika dibandingkan dengan kenyataan tegas yang dibuat oleh ahli-ahli politik.

Bagaimanapun, rundingan dan penyampaian oleh tokoh-tokoh terkenal di Sidang Kemuncak CEO patut diberi perhatian dan layak menerima pujian.

Antara ahli-ahli perniagaan Malaysia yang menghadiri Sidang Kemuncak CEO ialah Tan Sri Tajudin Ramli (Malaysia Airlines), Tan Sri Azman Hashim (kumpulan Arab-Malaysian), Mirzan Mahathir (Konsortium Logistik Bhd) dan Tan Sri Zain Hashim (Lion Group).

Penceramah-penceramah pada sidang kemuncak itu menggesa Apec supaya menghadapi cabaran-cabaran masa depan manakala ahli-ahli perniagaan sendiri digesa supaya memperturunkan ilmu-ilmu mereka di seluruh rantau ini.

Sultan Brunei ketika merasmikan Sidang Kemuncak CEO telah bertitah bahawa perundingan dan dialog dengan sektor swasta merupakan proses yang penting setakat ini.

Bagaimanapun, titahnya, agendanya adalah didorong kerajaan kerana usaha Apec sebahagian besarnya meliputi bidang-bidang yang dianggap sebagai "perniagaan kerajaan", seperti menurunkan tarif, memperbaiki ketelusan regim kastam dan kelonggaran syarat-syarat kemasukan bagi ahli-ahli perniagaan.

Sementara itu, ABAC menggesa Apec supaya berada di landasan yang betul ke arah kemajuan mengenai matlamat Bogor berhubung perdagangan dan liberalisasi pelaburan dan memberi perhatian kepada pembinaan kapasiti.

Laporannya mengenai "Menghadapi Globalisasi Cara Apec" mengandungi 20 syor yang termasuk cadangan menjadikan perniagaan lebih mudah dilaksanakan di rantau ini, membina sistem kewangan yang lebih mantap dan memperbaiki akses kepada peluang-peluang baru menerusi kemajuan teknologi.

Hanya masa akan menentukan sama ada Apec yang sudahpun berusia 11 tahun akan mengketepikan retorikanya dan sebaliknya menurut gesaan ABAC agar lebih berunsur tindakan, meningkatkan kerjasama di kalangan anggota-anggota ekonomi yang pelbagai dan dalam proses itu, meningkatkan relevansinya dalam alaf baru berbeza dengan apa yang diperkatakan orang sekarang.

-- BERNAMA

SHO MR MA